

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
[ RANTAU PANJANG ]**

**SOALAN :**

**YB Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah bangunan baru untuk premis Kerajaan yang terdedah dengan banjir seperti klinik kesihatan, balai polis, Sekolah Lubok Setol, Sekolah Menengah dan Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang yang sentiasa ditenggelami banjir, sedangkan tapak untuk pembinaan baru telah pun disediakan.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan buat masa ini belum bercadang untuk memindahkan premis-premis Kerajaan yang sering dilanda banjir ke tapak yang baru. Ini kerana, pemindahan premis-premis Kerajaan yang sedia ada ke tapak yang baru melibatkan kos yang tinggi. Oleh yang demikian, Kerajaan sedang mengkaji langkah-langkah yang bersesuaian dalam mengurangkan impak banjir melalui pelaksanaan projek-projek tebatan banjir di Sungai Golok seperti pendalaman sungai dan pembinaan ban di sepanjang sungai berkenaan. Menerusi projek-projek tersebut, Kerajaan berharap masalah banjir di kawasan yang terlibat dapat dikurangkan.

Sekian. Terima kasih.